



PANDUAN DAN PERATURAN MENGISI DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH

KANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|------------|
| LANGKAH 1 – CETAK DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH | 2 |
| LANGKAH 2 – SEMAK DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH | |
| LANGKAH 3 – LENGKAPKAN DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH | 2 - 4 |
| LANGKAH 4 – MENYEDIAKAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN MENGIKUT SENARAI SEMAK | 4 |
| LANGKAH 5 – HANTAR DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH | |
| BAHAGIAN A – KADEAH PEMBATALAN SETEM HASIL | 5 |
| BAHAGIAN B – CONTOH PALANG DUA (2) GARISAN LURUS DOKUMEN SOKONGAN | 6 |
| BAHAGIAN C – CONTOH DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH YANG LENGKAP | 7 - 20 |

PERHATIAN:

Sila pastikan anda telah membaca dan memahami Panduan dan Peraturan Mengisi Dokumen Tawaran Penggabungan Pinjaman Dan/ Atau Pertukaran Kepada Pinjaman Pendidikan Berasaskan Ujrah sebelum melengkapkan dokumen pinjaman tersebut. Pihak PTPTN berhak menolak dokumen yang tidak lengkap, tidak kemas, kotor dan terlalu banyak kesilapan serta saksi yang tidak layak.

LANGKAH 1 - CETAK DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH

1. Sila cetak Dokumen Tawaran Penggabungan Pinjaman dan/ atau Pertukaran kepada Pinjaman Pendidikan Berasaskan Ujrah daripada laman web yang mengandungi dokumen-dokumen berikut:

| Bil | Perkara | Rujukan Muka Surat |
|-----|--|-------------------------|
| 1. | Senarai Semakan Dokumen yang Perlu Diserahkan Mengikut Turutan | |
| 2. | Surat Tawaran Penggabungan Pinjaman dan/ atau Pertukaran kepada Pinjaman Pendidikan Berasaskan Ujrah i. Akuan Penerimaan ii. Surat Kebenaran 1 dan 2 | 1/4 2/4 3/4 – 4/4 |
| 3. | Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan | 1/8 – 3/8 |
| 4. | Dokumen Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan | 4/8 – 8/8 |
| 5. | Lampiran A – Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian | |

2. Pelajar perlu menyediakan **Dua (2) salinan dokumen** yang merangkumi perkara (2), (3) dan (4) di atas. Bagi perkara (1) dan (5) hanya **satu (1) salinan** sahaja.
3. Cetakan hanya disarankan pada satu muka surat sahaja untuk setiap helaian. Dakwat cetakan hendaklah berwarna hitam.

Peringatan:

Dokumen Tawaran hendaklah dicetak dengan menggunakan kertas putih bersaiz A4 dengan berat 80 gsm. Satu (1) salinan Dokumen Tawaran perlu dicetak terus daripada computer manakala salinan kedua boleh dibuat salinan pendua (fotostat) sebelum pengisian dilakukan. Kedua-dua salinan tersebut perlu diisi dan ditandatangani oleh PEMOHON dan SAKSI.

LANGKAH 2 - SEMAK DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH

1. Sila semak butir-butir diri serta maklumat pengajian dan pinjaman seperti yang terdapat di dalam Dokumen Tawaran Pinjaman Pendidikan PTPTN.
2. Hanya pindaan pada ejaan **Nama** dan **Alamat** yang dibenarkan. **Pindaan hendaklah dibuat pada Surat Tawaran Pinjaman serta mengisi Borang Perubahan Maklumat Dokumen Tawaran Pinjaman Pendidikan** (boleh diperolehi di dalam Portal PTPTN – www.ptptn.gov.my).
3. Pindaan selain daripada maklumat yang dijelaskan di para 2 di atas adalah **tidak dibenarkan**. Pelajar perlu membuat permohonan baharu sekiranya terdapat kesilapan pada maklumat tersebut.

LANGKAH 3 – LENGKAPKAN DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH

1. Sila gunakan pen mata bulat (ball pen) **BERWARNA HITAM** atau **BIRU** sahaja. Pastikan hanya satu warna pen digunakan.
2. Setiap dokumen hendaklah **DITULIS DENGAN TANGAN** dan **BERHURUF BESAR**.
3. Jika berlaku **KESILAPAN** semasa **MENGISI DOKUMEN TAWARAN**, sila buat satu garisan lurus dan turunkan tandatangan ringkas di sebelah kanan setiap pembetulan (**dilarang sama sekali menggunakan**

sebarang getah atau cecair pemadam (liquid paper).

4. Kaedah mengisi DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN:

a) **AKUAN PENERIMAAN, SURAT KEBENARAN 1 dan SURAT KEBENARAN 2**

Mukasurat 2/4 – 4/4

- Pemohon perlu menurunkan **TANDATANGAN** dan mengisi **TARIKH** (tarikh tersebut MESTILAH lebih besar atau sama dengan tarikh surat tawaran).

b) **PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN**

Mukasurat 1/8

- Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan yang telah disempurnakan adalah dikenakan **Duti Setem** sebanyak RM20.00 (RM10.00 bagi setiap salinan).
- Sila rujuk kaedah pembatalan Setem Hasil di **Bahagian A**:
Perhatian: Sila pastikan tindakan pembatalan Setem Hasil dilakukan selepas Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan dilengkapkan.
- Tarikh pembatalan setem hasil mestilah sama atau lebih besar daripada tarikh surat tawaran dan sama bagi kedua-dua salinan dokumen perjanjian.

Mukasurat 2/8

- Sila isi TARIKH PERJANJIAN di ruangan Bahagian I di JADUAL PINJAMAN.
Tarikh yang diisi mestilah sama dengan tarikh Setem Hasil dibatalkan.
- Sila turunkan tandatangan pemohon di ruangan TANDATANGAN PEMINJAM yang disediakan.
- Sila pastikan saksi melengkapkan maklumat **Nama, No. kad pengenalan, Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan** beserta tandatangan di ruangan SAKSI. Cop saksi hendaklah lengkap mempunyai **nama, jawatan dan jabatan/ alamat di mana saksi bertugas**.

Syarat- syarat kelayakan saksi adalah seperti di bawah: -

- i) Saksi hendaklah **Warganegara Malaysia** yang bermastautin di Malaysia.
- ii) Individu yang layak menjadi **SAKSI** adalah seperti berikut:
 - a) Wakil rakyat/Senator
 - b) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - c) Pengamal Undang-undang
 - d) Jaksa Pendamai
 - e) Pengetua/ Guru Besar (sekolah kerajaan sahaja)
 - f) Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas/ Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas.
 - g) Ketua Kampung/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Masyarakat/ Sidang/ Pegawai Pembangunan Mukim/ Pengerusi JKJKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung).
 - h) Untuk SABAH dan Sarawak – Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Kapitan/ Pemanca/ Pegawai Taman Sabah.
 - i) Pegawai-pegawai di IPTS yang mendapat kebenaran bertulis daripada PTPTN.

Perhatian: Jawatan Saksi selain (a) - (i) di atas perlu mendapatkan pengesahan PTPTN terlebih dahulu.

Mukasurat 3/8

- Sila kosongkan ruangan ini.

c) **LAMPIRAN PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN**

Mukasurat 4/8 – 8/8

- Pemohon perlu menurunkan tandatangan ringkas pada **setiap muka surat** pada ruangan yang disediakan.

d) **LAMPIRAN A – AKUAN TERIMAAN SURAT TAWARAN DAN DOKUMEN PERJANJIAN**

- Pemohon perlu menurunkan **TANDATANGAN** dan menulis **TARIKH** perjanjian ditandatangani di ruangan yang disediakan.

LANGKAH 4 – MENYEDIAKAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN MENGIKUT SENARAI SEMAK

1. Dokumen sokongan perlu disediakan dan disusun seperti mana yang dinyatakan di dalam Senarai Semak. Hanya satu (1) salinan dokumen sokongan diperlukan.
2. Salinan dokumen sokongan hendaklah disediakan dengan menggunakan **KERTAS PUTIH BERSAIZ A4** dan **tidak perlu disahkan**.
3. Setiap salinan dokumen sokongan hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis “**Kegunaan PTPTN Sahaja**”. Sila rujuk contoh seperti di **Bahagian B**.

LANGKAH 5 – HANTAR DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH

1. Dokumen yang telah dilengkapkan perlu dikembalikan segera kepada PTPTN **dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tawaran**, iaitu:
 - a) Satu (1) salinan Dokumen Tawaran PTPTN yang mengandungi maklumat berikut:
 - i. Senarai Semak Dokumen; dan
 - ii. Lampiran A – Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian.
 - b) Dua (2) salinan Dokumen Tawaran PTPTN yang mengandungi maklumat berikut:
 - i. Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan;
 - ii. Akuan Penerimaan;
 - iii. Surat Kebenaran 1 dan 2;
 - iv. Perjanjian Pinjaman Pendidikan yang telah dijelaskan duti setem; dan
 - v. Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan.
- * Perhatian: Setiap satu salinan adalah untuk **Pemohon dan PTPTN**. Salinan pemohon akan diserahkan setelah pegawai PTPTN melengkapkan ruangan di mukasurat 3/8.
- c) Dokumen sokongan yang diperlukan mengikut Senarai Semak.
- e) Dokumen di atas hendaklah disusun mengikut senarai semak dan **DISERAHKAN** kepada mana-mana Pejabat PTPTN Negeri dalam tempoh sahlaku iaitu 14 hari daripada tarikh tawaran. Penerimaan selepas tamat tempoh sahlaku akan menyebabkan tawaran terbatal.
- f) Tempoh serahan Dokumen Tawaran Pinjaman Pendidikan PTPTN adalah **14 hari** daripada tarikh surat tawaran.

BAHAGIAN A – KADEAH PEMBATALAN SETEM HASIL

SETEM HASIL bernilai RM10.00 hendaklah ditampal di sudut kanan atas di muka hadapan Dokumen Perjanjian Pinjaman Penggabungan Pendidikan Dan/Atau Pertukaran Kepada Pinjaman Pendidikan Berasaskan Ujrah (muka surat 1/8) pada kedua-dua set (di ruangan yang disediakan).

Contoh: Sila rujuk **Rajah 1**. Urusan pembatalan Setem Hasil akan dilakukan oleh PTPTN.

Rajah 1:

NURUL AIN BINTI MOHAMAD (890316125680)

PTPTN-P-03/12-2009 Pin.10

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN




1. PERJANJIANINI dibuat pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pinjaman ANTARA Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") sebagai pihak pertama DENGAN Peminjam seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "PEMINJAM") sebagai pihak kedua. PERJANJIANINI adalah berdasarkan kaedah Ujrah (Upah) di mana PERBADANAN sebagai Pemberi Khidmat Pengurusan Pinjaman Pendidikan akan mengenakan upah (kemudian daripada ini disebut Upah Pengurusan Pinjaman) kepada PEMINJAM sebagai Penerima Pinjaman Pendidikan.

2. Sebagai balasan bagi Perkara-Perkara yang tersebut di dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan, PERBADANAN dengan ini bersetuju untuk menguruskan Pinjaman Pendidikan PEMINJAM seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian III Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut").

3. PEMINJAM dengan ini bersetuju untuk membayar balik Pinjaman Tersebut beserta dengan Upah Pengurusan Pinjaman seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian V Jadual Pinjaman kepada PERBADANAN dalam tempoh bayaran balik seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VI Jadual Pinjaman bermula dari Tarikh Kuatkuasa Bayaran Balik seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VII Jadual Pinjaman.

BAHAGIAN B - CONTOH PALANG DUA (2) GARISAN LURUS DOKUMEN SOKONGAN

Contoh palang 2 garisan lurus pada Mykad



BAHAGIAN C – CONTOH DOKUMEN TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH YANG LENGKAP

“UJRAH”

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN MENGIKUT TURUTAN

Nama Peminjam : NURUL AIN BINTI MOHAMAD
Nombor Kad Pengenalan : 890316125680

| Bil | Perkara | Untuk kegunaan PTPTN |
|---|---|----------------------|
| DOKUMEN PERJANJIAN | | |
| 1 | Surat Tawaran Penggabungan Pinjaman dan/atau Pertukaran kepada Pinjaman Pendidikan Berasaskan Ujrah | 2 Salinan |
| 2 | Akuan Penerimaan | 2 Salinan |
| 3 | Surat Kebenaran 1 dan 2 | 2 Salinan |
| 4 | Perjanjian Pinjaman Pendidikan | 2 Salinan |
| 5 | Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan – Ditandatangan ringkas oleh Peminjam di setiap muka surat di penjuru kanan bawah | 2 Salinan |
| 6 | Lampiran A – Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian | 1 Salinan |
| DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN | | |
| 1 | Borang Maklumat Pekerjaan/ Kebenaran Potongan Gaji | 1 Salinan |
| 2 | Borang Maklumat Pekerjaan dan Majikan | 1 Salinan |

“Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mempastikan bahawa kursus pengajian yang diikuti telah diluluskan pihak berkaitan dan syarat masuk kursus telah dipatuhi. PTPTN berhak untuk membatalkan kelulusan tawaran pinjaman sekiranya berlaku ketidakpatuhan syarat kelayakan masuk ke IPT (sila rujuk syarat kelayakan masuk dengan pihak IPT), terdapat perbezaan maklumat permohonan dan tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa”

Untuk kegunaan PTPTN sahaja:

STATUS TAWARAN: TERIMA / TOLAK

Catatan: _____

Disemak oleh (Pegawai PTPTN):

Nurdiana

.....
(Nama Pegawai & Cop Rasmi Jawatan)

16 01 2019
Tarikh: / /

Nurdiana Binti Abdullah
Penolong Pengurus
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

PTPTN-P-03/12-2009 Pin.10
Tel Careline: 03-2193 3000
Laman Web: www.ptptn.gov.my
Aduan: http://icare.ptptn.gov.my

NURUL AIN BINTI MOHAMAD
NO. 10 JALAN LIMAU
TAMAN PAYA SG. BULOH
47000 BANDAR BARU
SELANGOR

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2019/03206682
TARIKH : 11/01/2019

"UJRAH"

SURAT TAWARAN PENGGABUNGAN PINJAMAN DAN/ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN UJRAH

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan Penggabungan Pinjaman Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan/atau pertukaran kepada Pinjaman Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berdasarkan kaedah Ujrah (Upah). Maklumat tawaran seperti berikut:

| | | |
|--------|-----------------------------|--|
| (i) | TUJUAN | PENGGABUNGAN PINJAMAN PENDIDIKAN DAN/ATAU PERTUKARAN KEPADA PINJAMAN PENDIDIKAN BERASASKAN KADEAH UJRAH (UPAH) |
| (ii) | JUMLAH PINJAMAN | RM 12,556.10 BERASASKAN BAKI PADA 01/01/2019 |
| (iii) | JUMLAH SUMBANGAN TAKAFUL | RM 74.08 |
| (iv) | JUMLAH KESELURUHAN PINJAMAN | RM 12,630.18 |
| (v) | TEMPOH BAYARAN BALIK | 120 BULAN MULAI 01/01/2019 |
| (vi) | UPAH PENGURUSAN PINJAMAN | RM 1,263.02 (JUMLAH KESELURUHAN PINJAMAN X 1% SETAHUN X TEMPOH BAYARAN BALIK) |
| (vii) | ANSURAN BULANAN | RM 115.78 SELAMA 120 BULAN MULAI 01/01/2019 (JUMLAH KESELURUHAN PINJAMAN + UPAH PENGURUSAN PINJAMAN) / TEMPOH BAYARAN BALIK) PTPTN berhak untuk membuat semakan semula jumlah ansuran bulanan berkenaan dari semasa ke semasa |
| (viii) | CARA BAYARAN BALIK | PEMINJAM YANG BEKERJA HENDAKLAH MEMBAYAR ANSURAN BULANAN MELALUI MAJIKAN MASING-MASING PTPTN BERHAK MENGUBAH CARA BAYARAN BALIK DENGAN MEMBERI NOTIS BERTULIS KEPADA TUAN/PUAN |

2. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran ini, sila lengkapkan Dokumen Perjanjian dan kembalikannya bersama-sama dokumen sokongan kepada PTPTN dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini. Dengan penerimaan tawaran dan penyempurnaan Perjanjian Pinjaman Pendidikan ini, mana-mana Perjanjian di bawah Pinjaman Pendidikan Konvensional adalah terbatas.

3. Kegagalan tuan/puan mengembalikan dokumen tersebut dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan tawaran ini terbatas. Sekiranya tuan/puan masih berminat, sila kemukakan rayuan secara bertulis. PTPTN mempunyai budi bicara yang mutlak dalam mempertimbangkan rayuan tersebut termasuklah penentuan jumlah pinjaman yang akan diluluskan.

4. Walau apa pun peruntuhan di dalam surat ini, PTPTN berhak meminda syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan pada bila-bila masa berdasarkan keperluan tertentu dan tuan/puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. PTPTN juga berhak menarik balik tawaran ini tanpa perlu memberi sebarang sebab.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(RUSYAIZUL BIN. HUSAIN)
b.p. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan
"Dana Pendidikan Pemangkin Pembangunan Negara"

1/4

AKUAN PENERIMAAN

| | |
|------------------------------|--------------------------------|
| NAMA PEMINJAM | NURUL AIN BINTI MOHAMAD |
| NOMBOR KAD PENGENALAN | 890316125680 |
| NOMBOR SURAT TAWARAN | 2019/03206682 |
| TARIKH SURAT TAWARAN | 11/01/2019 |

Saya seperti nama di atas telah membaca dan memahami segala syarat dan terma Pinjaman seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Penggabungan Pinjaman dan/atau Pertukaran kepada Pinjaman Pendidikan Berasaskan Ujrah mengikut nombor dan tarikh surat tawaran yang tertera di atas.

Saya bersetuju menerima tawaran penggabungan pinjaman dan/atau pertukaran kepada Pinjaman Pendidikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional berdasarkan kaedah Ujrah (Upah) seperti yang terkandung dalam surat tawaran tersebut.

Saya juga mengesahkan bahawa butiran yang tertera di atas adalah betul.

ain

Tandatangan :

Tarikh : ..16... / ...01.... /..2019....

SURAT KEBENARAN 1

| | |
|------------------------------|---|
| NAMA PEMINJAM | NURUL AIN BINTI MOHAMAD |
| NOMBOR KAD PENGENALAN | 890316125680 |
| ALAMAT | NO. 10 JALAN LIMAU TAMAN PAYA SG. BULOH 47000 BANDAR BARU SELANGOR |

Tarikh: 16 / 01 / 2019

Kepada:

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN MENGHUBUNGI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI/KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA/PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL/BANK/MANA-MANA AGENSI LAIN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT BERKAITAN PEMINJAM

NOMBOR SURAT TAWARAN: 2019/03206682

TARIKH: 11/01/2019

Saya seperti nama di atas, membenarkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menghubungi agensi-agensi yang tersebut di atas bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan saya pada bila-bila masa diperlukan.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pinjaman Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ain

.....
(Tandatangan PEMINJAM)

SURAT KEBENARAN 2

NAMA PEMINJAM

NURUL AIN BINTI MOHAMAD

NOMBOR KAD PENGENALAN

890316125680

ALAMAT

**NO. 10 JALAN LIMAU
TAMAN PAYA SG. BULOH
47000 BANDAR BARU
SELANGOR**

Tarikh:

16 / 01 / 2019

Kepada:

Tuan,

**KEBENARAN/KEIZINAN PEMOTONGAN GAJI KEPADA MAJIKAN BERKENAAN UNTUK BAYARAN BALIK PINJAMAN
SEMULA PINJAMAN PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

NOMBOR SURAT TAWARAN: 2019/03206682

TARIKH: 11/01/2019

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong sebahagian/sejumlah amaun yang ditentukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada gaji saya untuk dibayar kepada PTPTN sebagai bayaran balik Pinjaman Pendidikan PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pinjaman Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan seperti di atas.
3. Surat ini sah sehingga keseluruhan Pinjaman Pendidikan tersebut dilunaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ain

.....
(Tandatangan PEMINJAM)

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN**

1. PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pinjaman ANTARA Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") sebagai pihak pertama DENGAN Peminjam seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "PEMINJAM") sebagai pihak kedua. PERJANJIAN INI adalah berdasarkan kaedah Ujrah (Upah) di mana PERBADANAN sebagai Pemberi Khidmat Pengurusan Pinjaman Pendidikan akan mengenakan upah (kemudian daripada ini disebut Upah Pengurusan Pinjaman) kepada PEMINJAM sebagai Penerima Pinjaman Pendidikan.
2. Sebagai balasan bagi Perkara-Perkara yang tersebut di dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan, PERBADANAN dengan ini bersetuju untuk menguruskan Pinjaman Pendidikan PEMINJAM seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian III Jadual Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut").
3. PEMINJAM dengan ini bersetuju untuk membayar balik Pinjaman Tersebut beserta dengan Upah Pengurusan Pinjaman seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian V Jadual Pinjaman kepada PERBADANAN dalam tempoh bayaran balik seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VI Jadual Pinjaman bermula dari Tarikh Kuatkuasa Bayaran Balik seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VII Jadual Pinjaman.
4. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Surat Tawaran Penggabungan Pinjaman dan/atau Pertukaran kepada Pinjaman Pendidikan Berasaskan Ujrah seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian IV Jadual Pinjaman dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya, Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan dan apa-apa Pekeliling Rasmi PERBADANAN yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa melalui apa-apa cara sekali pun hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

JADUAL PINJAMAN

| BAHAGIAN | PERKARA | BUTIR-BUTIR |
|----------|--------------------------------|--|
| I) | TARIKH PERJANJIAN | PADA: <u>16</u> HARIBULAN: <u>01</u> TAHUN: <u>2019</u> |
| II) | NAMA PEMINJAM | NURUL AIN BINTI MOHAMAD |
| | NOMBOR KAD PENGENALAN | 890316125680 |
| III) | JUMLAH PINJAMAN | RM 12,630.18 |
| IV) | NOMBOR SURAT TAWARAN | 2019/03206682 |
| V) | UPAH PENGURUSAN PINJAMAN | RM 1,263.02 (PINJAMAN YANG DILULUSKAN X 1% SETAHUN X TEMPOH BAYARAN BALIK) |
| VI) | TEMPOH BAYARAN BALIK | 120 BULAN |
| VII) | TARIKH KUATKUASA BAYARAN BALIK | 01/01/2019 |
| VIII) | ALAMAT EMEL | ain8903@gmail.com |

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat dan terma-terma Pinjaman yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan ini termasuk Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan yang akan dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini BERSETUJU menurunkan tandatangan dan meterai mereka di sini pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pinjaman untuk mematuhi segala syarat dan terma Perjanjian Pinjaman Pendidikan ini.

Ditandatangani oleh PEMINJAM) *ain*.....
(Tandatangan PEMINJAM)

Nama PEMINJAM:

NURUL AIN BINTI MOHAMAD**Disaksikan oleh:**

Nama Saksi

) **Salwani Binti Jaafar**
Pegawai Psikologi
Universiti Teknologi MARA Pahang

No. Kad Pengenalan

) **26400 Bandar Jengka**
Pahang Darul Makmur

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

) *Salwani*.....
(Tandatangan Saksi PEMINJAM)

Ditandatangani bagi pihak PERBADANAN

)

Nazirah

.....
(Tandatangan Pegawai PERBADANAN)

Siti Nazirah Binti Ahmad
850119-10-6286
Penolong Pengurus
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Nama Pegawai

)

Disaksikan oleh:

Nama Saksi

)

No. Kad Pengenalan

)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

)

Alia

.....
(Tandatangan Saksi PERBADANAN)

Noralia Binti Azmi
880519-14-6272
Penolong Pengurus
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

LAMPIRAN PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN

BAHAWASANYA PERBADANAN telah bersetuju untuk menguruskan Pinjaman Pendidikan, (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut") kepada PEMINJAM tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI PERKARA-PERKARA BERIKUT: -

1. PEMINJAM, dengan ini bersetuju:

- (a) bahawa Pinjaman Tersebut dikenakan Upah Pengurusan Pinjaman sebanyak 1% setahun atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa ke atas Jumlah Pinjaman sepanjang tempoh bayaran balik yang ditetapkan mulai Tarikh Kuatkuasa Bayaran Balik Pinjaman Tersebut;
- (b) bahawa penentuan Tarikh Kuatkuasa Bayaran Balik Pinjaman Tersebut dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan ini adalah ditentukan oleh PERBADANAN atas budi bicara mutlaknya;
- (c) bahawa PEMINJAM, hendaklah membayar balik semua Pinjaman Tersebut beserta Upah Pengurusan Pinjaman (kemudian daripada ini disebut "Keseluruhan Pinjaman Tersebut") kepada PERBADANAN berdasarkan kaedah yang ditetapkan;
- (d) bahawa segala maklumat berkaitan dengan Perjanjian Pinjaman Pendidikan boleh diberikan oleh PERBADANAN kepada mana-mana biro Pinjaman/Pinjaman atau agensi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana biro lain yang diluluskan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan di Malaysia dan pihak-pihak ketiga lain yang berkemungkinan berurusan dengan PEMINJAM dan, pihak PERBADANAN tidak akan menanggung apa-apa liabiliti jika berlaku sebarang kerugian atau kehilangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. PERBADANAN juga berhak pada bila bila masa untuk meminta pihak-pihak di atas menahan apa-apa kemudahan yang dipohon oleh PEMINJAM; dan
- (e) membenarkan PERBADANAN menyiarkan maklumat PEMINJAM yang gagal menjelaskan Keseluruhan Pinjaman Tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh PERBADANAN di dalam mana-mana siaran media sebaran am termasuk akhbar, televisyen, radio dan laman web. PERBADANAN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, secara langsung atau tidak langsung, yang diakibatkan oleh pendedahan berkenaan, sama ada kepada PERBADANAN atau mana-mana pihak lain.

2. PEMINJAM yang bekerja dikehendaki membuat pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut melalui kaedah potongan gaji oleh majikan masing-masing. Sebarang kelonggaran kepada Fasal ini adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak PERBADANAN.

Tandatangan ringkas

..... *ain*

T.T Peminjam

3. PERBADANAN adalah berkuasa memaklumkan secara bertulis kepada seseorang majikan yang mengambil PEMINJAM bekerja untuk memotong daripada gaji PEMINJAM apa-apa jumlah wang yang merupakan amaun bayaran balik bulanan yang dikehendaki daripada PEMINJAM bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut dan kemudiannya diremitkan kepada PERBADANAN. Bagi PEMINJAM yang bekerja sendiri PEMINJAM hendaklah membuat pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut terus kepada PERBADANAN atau mana-mana ejen lain yang dilantik mengikut amaun bayaran balik bulanan Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan.
4. Untuk melindungi kepentingan PERBADANAN akibat kematian atau apa-apa keilatan kekal menyeluruh yang dialami oleh PEMINJAM di sepanjang tempoh pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut, PERBADANAN adalah berhak mengikut budi bicara mutlaknya mengambil dan memenuhi apa-apa prosedur bagi mengambil termasuk memberikan akad bagi pihak PEMINJAM perlindungan insurans/takaful ke atas Pinjaman Tersebut dan PEMINJAM adalah dikehendaki menanggung semua kos termasuk sumbangan bagi perlindungan insurans/takaful tersebut. PEMINJAM adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN mengenakan kos perlindungan insurans/takaful ini ke atas akaun Pinjaman Tersebut yang dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PEMINJAM atau mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh PERBADANAN. Walau apa pun peruntukan di atas, PERBADANAN atas budi bicara mutlaknya berhak untuk menuntut daripada PEMINJAM, waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima serahak PEMINJAM, apa-apa jumlah yang masih terhutang kepada PERBADANAN yang tidak dilindungi takaful.
5. Apa-apa lebihan daripada Jumlah Sumbangan Takaful pada Perkara iii Surat Tawaran Penggabungan Pinjaman/ Pertukaran Kepada Pinjaman Pendidikan Berasaskan Ujrah (kemudian daripada ini disebut "Surat Tawaran Tersebut") adalah menjadi sebahagian daripada bayaran balik pinjaman pendidikan dan sekiranya Jumlah Sumbangan Takaful adalah kurang daripada kos sebenar perlindungan insuran/takaful, PERBADANAN adalah berhak untuk mengenakan kos tambahan tersebut ke atas PEMINJAM.
6. PERBADANAN berhak mengenakan Upah Pengurusan Pinjaman sebanyak 1% setahun atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa ke atas Jumlah Pinjaman sepanjang tempoh bayaran balik yang ditetapkan mulai Tarikh Kuatkuasa Bayaran Balik Pinjaman Tersebut.
7. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Fasal 3 boleh menjelaskan hak dan kuasa PERBADANAN untuk menuntut bayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut terus daripada PEMINJAM.
8. Bagi PEMINJAM yang gagal membuat pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut menurut Perjanjian Pinjaman Pendidikan, PERBADANAN boleh memberi notis kepada PEMINJAM supaya membayar balik sekaligus baki Keseluruhan Pinjaman Tersebut termasuk ansuran bulanan yang tertunggak.
9. Bagi PEMINJAM yang lewat membayar mana-mana ansuran bulanan sebagaimana yang ditetapkan oleh PERBADANAN, PEMINJAM adalah bertanggungjawab untuk membayar ta'wid (pampasan) kepada PERBADANAN dikira pada kadar 1% setahun atas baki bulanan di atas amaun yang lewat dibayar. Amaun ta'wid (pampasan) terhadap kelewatan membayar adalah dikira dari tarikh ansuran kena dibayar sehingga bayaran diterima oleh PERBADANAN.
10. Walau apa pun yang dinyatakan dalam Fasal 8 di atas, PERBADANAN berhak atas budi bicara mutlaknya, melaksanakan penjadualan semula sekiranya Pinjaman Tersebut mempunyai tunggakan ansuran bulanan.

Tandatangan ringkas

.....ain.....

T.T Peminjam

5/8

11. PEMINJAM adalah bertanggungjawab untuk:

- (a) memaklumkan kepada PERBADANAN secara bertulis alamat terkini tempat tinggalnya dan alamat terkini tempat bekerjanya dan pendapatannya dengan serta merta kepada PERBADANAN dari semasa ke semasa; dan
- (b) memaklumkan kepada majikan tempat PEMINJAM bekerja bahawa PEMINJAM adalah penerima pinjaman pendidikan PTPTN.
- (c) Memaklumkan kepada PERBADANAN secara bertulis alamat Emel terkini sekiranya berlaku pertukaran alamat Emel pada Bahagian VIII, Jadual Pinjaman.

12. Jika PEMINJAM melakukan pelanggaran terhadap mana-mana Fasal dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan, PERBADANAN boleh, menurut budi bicara mutlaknya, menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan dan dengan itu tanpa menyentuh hak-hak PERBADANAN termasuk untuk menuntut bayaran balik sekaligus ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut termasuk ta'wid (pampasan) daripada PEMINJAM di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan dan PEMINJAM tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa manfaat Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

13. Walau apa pun yang tersebut di atas, adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PEMINJAM:

- (a) diisyihar bankrap oleh Mahkamah; atau
- (b) telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan ditamatkan.

14. PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PEMINJAM dan PEMINJAM hendaklah bertanggungjawab membayar balik jumlah Pinjaman Tersebut yang dikeluarkan kepada PEMINJAM termasuk Upah Pengurusan Pinjaman sekaligus.

15. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PEMINJAM menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan pada bila-bila masa, jika PERBADANAN mendapati PEMINJAM memberi maklumat palsu atau tidak tepat dalam apa-apa dokumen yang dikemukakan dan dengan ini segala manfaat bagi dan tanggungan PEMINJAM di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan adalah terhenti tanpa menjelaskan hak PERBADANAN untuk mendapatkan kembali apa-apa Pinjaman yang telah dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PEMINJAM di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

16. Tanpa menjelaskan Fasal 3 Lampiran ini, jika PERBADANAN menyediakan satu skim pembayaran balik berkenaan wang yang kena dibayar oleh PEMINJAM ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut kepada PERBADANAN selain daripada yang ditetapkan di bawah Fasal 3, PEMINJAM adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan PEMINJAM kemudian nanti supaya pendapatannya dipotong dengan sewajarnya bagi pihak PERBADANAN. PERBADANAN adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubah kadar Upah Pengurusan Pinjaman, cara dan/atau masa bagi pembayaran balik itu dan meminta pembayaran balik dengan serta-merta bagi Keseluruhan Pinjaman Tersebut atau sebanyak mana yang masih belum dibayar menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberi apa-apa sebab baginya. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta mana-mana Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Pertubuhan Keselamatan Sosial membayar daripada saguhati persaraan atau caruman PEMINJAM bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut.

Tandatangan ringkas

.....ain.....

T.T Peminjam

6/8

17. PEMINJAM dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada PERBADANAN apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik apa-apa wang terhutang oleh PEMINJAM kepada PERBADANAN atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

18. PEMINJAM dengan ini memberi kebenaran kepada PERBADANAN untuk menghubungi bank PEMINJAM, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial atau mana-mana agensi lain untuk mendapatkan maklumat berkaitan PEMINJAM apabila diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

19. Duti setem yang kena dibayar kepada Perjanjian Pinjaman Pendidikan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh PEMINJAM.

20. Sebarang kelonggaran, penangguhan tindakan, kelewatan, atau sikap membiarkan oleh PERBADANAN atau wakil yang dilantik oleh PERBADANAN berkenaan dengan melaksanakan mana-mana syarat dan terma Perjanjian Pinjaman Pendidikan ataupun pemberian masa oleh PERBADANAN kepada PEMINJAM, tidak akan dengan apa cara sekalipun memudararatkan, memberi kesan atau mengurangkan hak-hak dan kuasa PERBADANAN di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan, begitu juga sebarang penepian oleh PERBADANAN akan pelanggaran oleh PEMINJAM tidak akan bertindak sebagai penepian terhadap pelanggaran yang berikutnya.

21. Walau apa pun yang tersebut di atas, sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa hal sekalipun di bawah apa jua undang-undang, keesahan dari segi undang-undang atau kebolehan untuk dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang lain tidak akan dalam apa cara sekalipun dijejaskan atau dilemahkan olehnya.

22. PERBADANAN adalah dibebaskan dan tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Perjanjian Pinjaman Pendidikan jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan darurat seperti rusuhan dan kekecohan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang di luar kawalan PERBADANAN yang menyebabkan pelaksanaan Perjanjian Pinjaman Pendidikan menjadi mustahil termasuklah perubahan-perubahan dasar Kerajaan yang di luar kawalan PERBADANAN.

23. Walau apa pun yang tersebut di atas, PEMINJAM adalah bersetuju bahawa apa-apa notis berkenaan pembayaran balik Pinjaman Tersebut yang disampaikan secara elektronik melalui alamat Emel pada Bahagian VIII, Jadual Pinjaman tersebut adalah mencukupi dan dianggap telah diterima dengan sempurna oleh PEMINJAM selepas empat puluh lapan (48) jam Emel tersebut dihantar.

24. Penyampaian Writ, Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan akan menjadi penyampaian yang cukup kepada PEMINJAM jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos atau pos berdaftar atau ditinggalkan di alamat seperti yang tersebut dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan atau kepada alamat terkini yang diberikan oleh PEMINJAM secara bertulis kepada PERBADANAN di bawah Fasal 9 dan jika dihantar melalui pos hendaklah disifatkan sebagai diterima oleh PEMINJAM selepas empat puluh lapan (48) jam notis tersebut dihantar.

Tandatangan ringkas

.....ain.....

T.T Peminjam

25. Sebarang notis yang hendak diberikan oleh PEMINJAM kepada PERBADANAN hendaklah secara bertulis dan menjadi penyampaian yang cukup kepada PERBADANAN jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos atau pos berdaftar kepada PERBADANAN di alamat seperti yang tersebut di dalam Surat Tawaran yang dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pinjaman Pendidikan. Jika berlaku pertukaran alamat, PERBADANAN akan memaklumkan perkara tersebut kepada PEMINJAM.
26. Sebarang pertukaran alamat di pihak PERBADANAN akan dimaklumkan kepada PEMINJAM melalui apa-apa kaedah yang difikirkan suai manfaat.
27. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN berhak pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlaknya meminda atau menambah terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan.
28. Seseorang PEMINJAM yang ingin meninggalkan Malaysia dan masih dalam tempoh bayaran balik Pinjaman Tersebut adalah bertanggungjawab memberi notis tiga (3) bulan kepada PERBADANAN. PERBADANAN boleh mengikut budi bicara mutlaknya meminta PEMINJAM untuk membuat bayaran balik sekaligus Keseluruhan Pinjaman Tersebut sebelum PEMINJAM meninggalkan Malaysia.
29. Perjanjian Pinjaman Pendidikan ini adalah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah Undang-Undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada tafsir menurut Undang-Undang Malaysia dan PEMINJAM adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah sebagaimana yang ditentukan oleh PERBADANAN dan PEMINJAM adalah dengan ini mengenepikan sebarang bantahan terhadap apa-apa tindakan undang-undang yang berbangkit atau yang berkenaan dengan Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang dibawa di dalam Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah di bawah Undang-Undang Malaysia sama ada atas alasan lokasi atau forum yang menyusahkan.
30. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PEMINJAM menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana Pinjaman PEMINJAM dengan PERBADANAN dan PERBADANAN boleh menolak atau memindahkan apa-apa jumlah Pinjaman termasuk Upah Pengurusan Pinjaman bagi mana-mana Pinjaman PEMINJAM dengan PERBADANAN mengikut apa-apa terma dan syarat yang disifatkan oleh PERBADANAN patut dikenakan.
31. PEMINJAM adalah dengan ini bersetuju bahawa perakuan yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dan telah diperakui sah oleh Ketua Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberikuasa memperakuinya hendaklah tanpa sebarang kesilapan nyata menjadi bukti konklusif mengenai amanun Pinjaman Pendidikan yang belum dijelaskan dan kena dibayar oleh PEMINJAM kepada PERBADANAN bagi tujuan bayaran balik Pinjaman Pendidikan tersebut.
32. Perjanjian ini hendaklah mengikat waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima serahak PEMINJAM.
33. Masa adalah menjadi perkara asas di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

Tandatangan ringkas

.....ain.....

T.T Peminjam

LAMPIRAN A

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian

Saya **NURUL AIN BINTI MOHAMAD**, No Kad Pengenalan **890316125680**, rujukan surat tawaran **03206682** dengan ini mengaku bahawa telah menerima satu salinan surat tawaran dan dokumen perjanjian pinjaman pendidikan PTPTN untuk simpanan saya melalui serahan bertarikh 16/01/2019.

Sekian, terima kasih.

ain

NURUL AIN BINTI MOHAMAD

Tarikh: 16/01/2019

Nota: Akuan ini hanya untuk kegunaan PTPTN sahaja